

Susun perkembangan plot cerita di bawah agar dapat menghasilkan karya kreatif yang lengkap.

	Kedudukan rumah mereka yang jauh daripada rumah orang lain menyukarkan mereka untuk mendapatkan bantuan. Rumah mereka juga tiada bekalan elektrik dan air.
	"Abang. Cepat buka pintu, kami kesejukan ni." Kedengaran suara dari luar rumah.
	Lusung menarik nafas lega. Dia cepat-cepat membuka pintu. Akhirnya, Lusung selamat melahirkan anak lelaki. Lusung bersyukur kerana semuanya sudah selamat.
	Perasaan Lusung bercampur-baur. Dia membayangkan beberapa orang jahat sedang cuba untuk memasuki rumahnya sambil memegang sebilah pisau. Lusung teringat akan suaminya yang telah keluar mendapatkan bidan kerana dia berasakan sudah sampai masanya untuk bersalin.
	"Lusung bimbang akan keselamatan abang. Hujan sangat lebat. Abang berhati-hati, ya." kata Lusung kepada suaminya.
	Lusung tersentak daripada lamunan. Bunyi ketukan di luar semakin kuat. Dia mengagahkan diri untuk bangun lalu berjalan ke arah pintu. Lusung memberanikan diri untuk bertanya. "Siapa?"
	Lusung teringat kembali ketika dia mengejutkan suaminya dua jam yang lalu. Sebelum keluar, suaminya berpesan agar Lusung mengunci pintu.
	Hujan semakin lebat. Angin bertiup kencang. Pelita minyak tanah yang menerangi biliknya tiba-tiba padam. Tiba-tiba kedengaran pintu rumahnya diketuk. Lusung yang sedang berbaring kesakitan mulai cemas.